




Lenggong Geopark di Perak memperoleh status Green Card.

(Foto BERNAMA)

2 lagi geopark negara diiktiraf sebagai UGGp

Lenggong Geopark, Sarawak Delta Geopark terima status Green Card

Oleh Nurhanim Osman
nurhanim.osman@bh.com.my



Sarawak Delta Geopark kini diiktiraf global.

(Foto BERNAMA)

Kuala Lumpur: Lenggong Geopark di Perak dan Sarawak Delta Geopark kini diiktiraf sebagai UNESCO Global Geopark (UGGp).

Menurut kenyataan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), kedua-dua geopark itu menerima status Green Card (ACCEPTED) daripada Mesyuarat Ke-10 Majlis Geopark Global UNESCO berlangsung di Kutralkura UNESCO Global Geopark, Chile pada 5 dan 6 September lalu.

Status Green Card bermaksud sesebuah calon geopark berjaya melepasi penilaian antarabangsa dan layak diterima.

“Kedua-dua geopark negara itu diiktiraf bersama tujuh lagi geopark baharu daripada pelbagai negara.

“Keputusan itu seterusnya akan dibawa ke Lembaga Eksekutif UNESCO untuk pengesahan sebelum pengiktirafan rasmi sebagai UGGp diberikan.

“Dengan perkembangan ini, Malaysia bakal mempunyai UGGp ketiga dan

keempat selepas Langkawi dan Kinabalu,” demikian menurut kenyataan itu, semalam.

NRES berkata, pada masa ini, Malaysia turut memiliki lapan Geopark Kebangsaan yang sedang diperkasa sebagai calon berpotensi ke peringkat antarabangsa.

Pencapaian bermakna

Dalam kenyataan sama, NRES berkata, pengiktirafan itu adalah pencapaian bermakna buat Malaysia, khususnya kepada kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan dalam usaha memelihara kelestarian alam semula jadi dan melaksanakan penguasaan mampan kawasan geopark yang memiliki nilai antarabangsa.

“Pencapaian ini seiring dengan Agenda Pembangunan Negara dan Matlamat Pembangunan Bertari 2030 (SDG's) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB),” katanya.

Selain itu, katanya, pengiktirafan turut selari

dengan agenda Kerajaan MADANI menekankan nilai kemampan melalui pemeliharaan alam sekitar, kesejahteraan menerusi manfaat ekonomi setempat serta penghormatan terhadap warisan budaya dan komuniti.

NRES turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Perak, Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Perak, Majlis Daerah Lenggong, Kerajaan Negeri Sarawak, Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Sarawak, Jabatan Hutan Sarawak, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia, agensi teknikal, universiti tempatan serta komuniti setempat atas komitmen menjayakan pencapaian itu.

NRES menyarankan pihak pengurusan geopark terus memperkukuh pembangunan mampan serta melaksanakan syor penambahbaikan dalam tempoh empat tahun sebelum sesi penilaian semula.